

MukaSepuluh

E-mel: bhirencana@bh.com.my BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

20 November 2022 **BH AHAD**

Pemilihan PM, kerajaan tepat stabilkan politik harungi cabaran

- Perkara 43(2)(a) memperuntukkan Yang di-Pertuan Agong berkuasa melantik seorang Perdana Menteri untuk mempengerusikan Jemaah Menteri

- Pada sisi lain, kerjasama merentasi gabungan politik asal pra-PRU15 boleh juga berlaku selepas Perdana Menteri dilantik Yang di-Pertuan Agong



Profesor Madya
Universiti Malaysia
PAhang dan Penggasas
Jurisprudens Watan

Oleh Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain
bhirencana@bh.com.my

Sistem demokrasi di negara ini secara keseluruhan hanya mempunyai beberapa persamaan dengan demokrasi Westminster, terutama aspek struktur organisasi dan pentadbiran.

Perbezaan paling ketara ialah keadautan dalam sistem Perlembagaan di negara ini terletak pada keadautan Raja-Raja Melayu yang menginstitusionalkan Perlembagaan Persekutuan dalam bentuk bertulis berlandaskan struktur asas Negeri Melayu merdeka.

Parlimen Malaysia tidak mutlak untuk menggubal undang-undang kerana ada sejatah yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja dan dalam keadaan tertentu pula, persetujuan Yang di-Pertua Negeri bagi Sabah serta Sarawak.

Parlimen Malaysia juga diikat dengan prinsip keluhuran Perlembagaan mewarisi aspek watan tanah air diwakili sistem beraja Melayu, Islam sebagai agama Persekutuan dan negeri (kecuali Sarawak), bahasa Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu, kedudukan istimewa anak Sabah dan Sarawak serta beberapa ciri khas lain.

Dalam pada itu terdapat jaminan buat kebebasan asasi dan kepentingan sah kaam laun sebagai waranegara Persekutuan Malaysia.

Disebabkan Perlembagaan Persekutuan diasaskan kepada Raja-Raja Melayu yang kekal berdaulat mengikut Perkara 18(1) dan kedudukan Yang di-Pertua Agong seperti diberikan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, maka prerogatif Yang di-Pertua Agong sebagai raja pemerintah terpelihara dalam Perlembagaan, termasuklah bagi pemilihan Perdana Menteri.

Perkara 43(2)(a) memperuntukkan Yang di-Pertuan Agong berkuasa melantik seorang Perdana Menteri untuk mempengerusikan Jemaah Menteri dalam kalangan ahli Dewan Rakyat yang pada hemat baginda mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Kuasa itu terjumliah dalam budi bicara Yang di-Pertua Agong menurut Perkara 40(2)(a) dan boleh dilaksanakan dalam keadaan ada parti maupun gabungannya memenangi pilihan raya umum (PRU) secara majoriti atau ketika tiada pihak yang dapat melepas jumlah kerusi majoriti mudah.

Pelantikan Perdana Menteri dan kaedah bagaimana calon berkewna dipilih adalah prerogatif ba-

ginda selagi tiada membataskan taracanya secara nyata melalui peruntukan bertulis Perlembagaan.

Perlembagaan menetapkan sebarang cabaran kepada kewibawaan Perdana Menteri sama ada beliau mempunyai kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat boleh dijujuk selepas pelantikannya.

Kepercayaan itu boleh dibuktikan sama ada menerusi proses undi percaya di Parlimen, jumlah sokongan akan bersumpah (SD) atau kaedah lain boleh memuaskan hati Yang di-Pertua Agong atau jika usul tidak percaya dikemukakan ahli Dewan Rakyat kepada Perdana Menteri.

Keunikan sistem politik Malaysia

Seorong anggota Parlimen adalah mewakili kawasan, tidak lagi mana-mana parti apabila terpilih.

Seorong Ahli Parlimen dikehendaki untuk melafazkan sumpah kesetiaan seperti termaktub dalam Jadual Keenam, iaitu menumpahkan taat setia sebenar kepada Malaysia serta memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan, bukannya perlembagaan parti masing-masing.

Inilah keunikan sistem politik Malaysia menjunjung keadautan Raja-Raja Melayu dan keluaran Perlembagaan, di samping menerima amalan demokrasi berperlembagaan.

Istu tiada parti atau gabungan politik yang berjaya mendapat majoriti mudah pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) begitu hanyul ditimbulkan di samping cubaan pihak tertentu mengotengahkan pelbagai kaedah bagi pemilihan Perdana Menteri demi memberikan kelebihan kepada calon idaman atau kepentingan kepartian masing-masing.

Sering kali yang bahwasan mengenai pelantikan Perdana Menteri hanya menonjolkan kehendak kepartian dan konomnya aspirasi rakyat secara keseluruhan tanpa melihat secara lebih dekat dedikasi dan kewajipan Perdana Menteri dan Jemaah Menterinya.

Perkara 39 Perlembagaan dengan jelas memperuntukkan kuasa eksekutif Persekutuan terletak buk di Yang di-Pertua Agong dan tertakuk pada peruntukan undang-undang Persekutuan, bahanalah dijalankan Jemaah Menteri atau menteri istiadat, tetapi menyentuh hak kuasa eksekutif Persekutuan diamanahkan di atas bahu baginda.

Peruntukan itu menunjukkan peranan Yang di-Pertua Agong untuk melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menterinya tidaklah hanya bersifat istiadat, tetapi menyentuh hak kuasa eksekutif Persekutuan diamanahkan di atas bahu baginda.

Lantaran budi bicara Yang di-Pertua Agong da-



lam pemilihan Perdana Menteri hendaklah sentiasa dihormati kerana baginda berhak untuk memastikan kewibawaan calon untuk menjalankan fungsi kuasa baginda selaras dengan kehendak Perlembagaan.

Sekiranya berlaku keadaan tiada parti atau gabungan politik berjaya mendapat majoriti mudah pada PRU15, Yang di-Pertua Agong mempunyai prerogatif menentukan pelantikan Perdana Menteri mengikut Perkara 43(2)(a) tanpa terikat dengan apa jua konvensyen bagaimana pemilihan itu dibuat.

Baginda boleh mengulangi konvensyen yang pernah berlaku ketika Tan Sri Muhyiddin Yassin atau Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilantik baginda atau kaedah lain difikirkan wajar mengikuti kebijaksanaan dan keperluan semasa.

Dengan kata lain, Yang di-Pertua Agong tidak terikat secara mutlak untuk hanya melantik pengerusi gabungan, presiden parti atau 'poster boy' sebagai Perdana Menteri.

Dalam pada itu, gabungan politik boleh meluaskan kerjasama selepas keputusan PRU15 diumumkan. Undang-Undang Larangan Ahli Dewan Rakyat Bertukar Parti diluluskan menerusi pindaan Perlembagaan baru-baru ini, khususnya Perkara 49A tidak menghalang seorang ahli Dewan Rakyat menyatakan sokongan kepada mana-mana ahli Dewan Rakyat sebagai calon Perdana Menteri, walaupun daripada gabungan parti berbeza.

Sokongan itu boleh diberikan tanpa perlu keluar parti kerana keanggotaan seorang Ahli Parlimen tidak terjejas melainkan jika dia meninggalkan atau melepaskan keahlilan partinya sahaja.

Pada sisi lain, kerjasama merentasi gabungan politik asal pra-PRU15 boleh juga berlaku selepas Perdana Menteri dilantik Yang di-Pertua Agong. Itu bermakna Perdana Menteri boleh mewujudkan kerajaan campuran menerusi pembentukan kerajaan minoriti.

Apapun, Malaysia memerlukan kestabilan politik untuk mengharungi cabaran ekonomi lebih mencabar pada tahun mendatang. Jika sekiranya berulang kejatuhan Jemaah Menteri akibat undi tidak percaya maka penyelesaian terakhir ialah melalui pembaruan semula Parlimen untuk PRU baharu.

Namun, fikirlah adakah itu yang dihajati rakyat.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH